



Headline: Catat kerugian lebih RM22 juta  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 17 February 2020

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 37

# Catat kerugian lebih RM22 juta

757 kes penipuan  
dicatatkan di Terengganu  
pada tahun lalu

Oleh RUBIAH OMAR

## KUALA TERENGGANU

**S**ebanyak 757 kes penipuan membabitkan kerugian lebih RM22 juta direkodkan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Terengganu sepanjang tempoh Januari hingga Disember tahun lalu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Roslee Chik berkata, daripada jumlah kerugian dicatatkan, kes penipuan mendominasi jumlah keseluruhan kerugian iaitu sebanyak lebih RM17 juta daripada 688 kes yang dilaporkan sepanjang tahun lalu.



Roslee (tengah) menyakikan Majlis Serah Terima Tugas Ketua JSJK Terengganu daripada Superintendan Mohd Rawi Ab Ghani (kiri) kepada Timbalannya, Deputi Superintendan Hamdan Zali.

“Ia diikuti kes pecah amanah jenayah yang merekodkan kerugian lebih RM2 juta. Ia mencatatkan penurunan sebanyak lebih RM5 juta berbanding tempoh sama tahun sebelum itu. “Seterusnya kes pemalsuan (RM1 juta), jenayah siber

(RM940,767.35), pinjaman wang tidak wujud yang merekodkan kerugian RM131,050 dan jenayah wang palsu (RM800),” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Serah Terima Tugas Ketua JSJK Terengganu di Dewan Redang Ibu

## KES PENIPUAN DI TERENGGANU

### KES:

- Kes penipuan.....
- Kes pecah amanah jenayah.....
- Kes pemalsuan.....
- Jenayah siber.....
- Pinjaman wang tidak wujud.....
- Jenayah wang palsu.....

### RUGI:

- RM17 juta
- Lebih RM2 juta
- RM1 juta
- RM940,767.35
- RM131,050
- RM800

Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu di sini semalam.

Roslee berkata, walaupun berlaku peningkatan 179 kes atau 22.49 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelum itu, pihaknya berjaya menyelesaikan sebanyak 30 peratus kes daripada jumlah itu sepanjang tahun lalu.

“Sebanyak 38.07 peratus kes berjaya diselesaikan daripada jumlah kertas siasatan yang dibuka dan ini menunjukkan kadar penyelesaian yang baik.

“Pada tahun ini dengan kepimpinan baharu yang diketuai

oleh saya sendiri, kami akan cuba mempertingkatkan lagi jumlah penyelesaian kes dengan menyediakan banyak latihan kepada semua pegawai penyiasat,” katanya.

Pada masa sama, Roslee menasihatkan kepada orang ramai agar jangan sesekali melayan panggilan daripada nombor tidak dikenali atau e-mel atau khidmat pesanan ringkas (SMS) yang mencurigakan selain sentiasa merujuk kepada pihak berkuasa bagi mendapatkan maklumat berkaitan penipuan tersebut.